



SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**SESI *TOWN HALL* JAWATANKUASA SEMAKAN DAN KAJIAN
PEMBAHARUAN KANUN KESEKSAAN [AKTA 574], KANUN TATACARA
JENAYAH [AKTA 593] AND AKTA KETERANGAN [AKTA 56]
CLRC DI SARAWAK**

KUCHING, SARAWAK, 11 JUN 2025 — Jawatankuasa Semakan dan Kajian Pembaharuan Kanun Keseksaan [Akta 574], Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Keterangan 1950 [Akta 56] (CLRC) telah menganjurkan Sesi *Town Hall* di Sarawak pada 11 Jun 2025. Sesi ini merupakan kesinambungan daripada siri jelajah yang diadakan di Semenanjung pada 21 Mei 2025 dan di Sabah pada 9 Jun 2025.

Sesi *Town Hall* ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Harmindar Singh Dhaliwal, mantan Hakim Mahkamah Persekutuan, selaku Pengerusi CLRC, bersama timbalannya, Yang Arif Datuk Ravinthran N. Paramaguru, Hakim Mahkamah Rayuan.

Tujuan *town hall* ini diadakan adalah bagi mendengar cadangan dan pandangan daripada pemegang taruh khususnya di Sarawak bagi pembaharuan undang-undang jenayah termasuk pengenalan kesalahan baharu, pindaan kepada aspek undang-undang keterangan, beban pembuktian dan hukuman, penambahbaikan kepada prinsip perbicaraan yang adil dan penambahbaikan kepada prosedur pra-perbicaraan sejajar dengan matlamat memperkukuh keadilan jenayah secara menyeluruh.

Inisiatif ini dicetuskan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), sebagai sebahagian daripada usaha konsultasi nasional yang komprehensif. Pendekatan inklusif ini menekankan penglibatan menyeluruh daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan rentan, komuniti profesional

dan masyarakat sivil bagi menjamin pembaharuan undang-undang jenayah yang adil, saksama dan berteraskan suara rakyat.

Sambutan yang amat memberangsangkan sepanjang Sesi *Town Hall* di Sarawak membuktikan relevansi inisiatif kepada rakyat dan mencerminkan komitmen kolektif ke arah reformasi perundangan jenayah. Ia selaras dengan usaha murni Kerajaan MADANI untuk memastikan kerangka perundangan negara kekal relevan, efektif, dan adil dalam mendepani perkembangan teknologi, pembangunan sosio-ekonomi, ancaman-ancaman baharu, dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Bagi memberi ruang yang lebih luas kepada orang awam untuk menyumbang pandangan, tempoh untuk mengemukakan maklum balas awam terhadap cadangan pembaharuan undang-undang jenayah di Malaysia telah dilanjutkan daripada 31 Mei 2025 kepada 15 Jun 2025.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kementerian, agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), institusi pengajian tinggi, Majlis Peguam, *The Advocates Association of Sarawak*, ahli-ahli Jawatankuasa CLRC dan para penyelidik yang terlibat atas segala sumbangan cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan.

Sesi *town hall* yang berlangsung di Sarawak telah menandakan penutup kepada siri jelajah Town Hall CLRC. Penyertaan yang memberangsangkan yang diterima di Sarawak mencerminkan komitmen semua pihak dalam memastikan sistem keadilan jenayah negara menjadi lebih responsif, adil dan berkesan, serta kekal berteraskan prinsip kedaulatan undang-undang dan perlindungan hak asasi individu.

Penubuhan Jawatankuasa CLRC ini merupakan satu inisiatif khas bagi menyemak dan mencadangkan pembaharuan terhadap tiga undang-undang utama, iaitu Kanun Keseksaan [Akta 574], Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], dan Akta Keterangan [Akta 56] dalam tempoh 18 bulan secara berfasa. Setakat ini, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak dua kali bagi membincangkan hala tuju kajian dan pelaksanaan fasa-fasa reformasi yang dirancang.

Bagi memperkukuh pelaksanaan kajian tersebut, sebuah Jawatankuasa *Ad Hoc* yang dianggotai daripada pakar dalam bidang perundangan, penguatkuasaan, teknologi dan masyarakat sivil turut ditubuhkan untuk menyumbang input teknikal dan strategik secara berterusan.

Pengerusi dan ahli-ahli kedua-dua Jawatankuasa telah dilantik oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), sebagai cerminan iltizam Kerajaan MADANI untuk melaksanakan reformasi undang-undang yang menyeluruh.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
11 JUN 2025